



## SIARAN MEDIA

### NASIHAT UNTUK MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN YANG DIKELUARKAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

***Bandar Seri Begawan, Isnin, 31 Mei 2021***

Merujuk kepada mesej-mesej yang telah tular baru-baru ini melalui aplikasi media sosial mengenai sebahagian penduduk Negara Brunei Darussalam yang dilaporkan keluar dan masuk merentasi sempadan Negara Brunei Darussalam melalui 'jalan-jalan tikus', orang ramai adalah dinasihatkan dan diperingatkan untuk sama-sama bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan penduduk Negara Brunei Darussalam dengan memastikan mereka tidak melanggar peraturan-peraturan yang dikeluarkan semasa pandemik COVID-19 ini, termasuk tidak menyeberangi sempadan ke negara jiran secara haram melalui jalan darat seperti 'jalan-jalan tikus' ataupun melalui laluan perairan seperti sungai-sungai.

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai perjalanan atau aktiviti di sempadan melalui jalan-jalan yang disebutkan di atas hendaklah memaklumkannya kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan dengan segera.

Pihak berkuasa tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas kepada mana-mana individu atau kumpulan yang didapati ingkar atau enggan mematuhi mana-mana peraturan yang telah dikeluarkan dan dikuatkuasakan.

Ke arah ini, pihak berkuasa Negara Brunei Darussalam sekali lagi menyeru kepada semua pihak agar sama-sama memikul tanggungjawab dalam menghalang penularan wabak penyakit COVID-19 di negara ini. Semua pihak hendaklah bertanggungjawab dan memberikan kerjasama sepenuhnya dalam mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

#### ***JABATAN PERDANA MENTERI***

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

18 Syawal 1442

31 Mei 2021



## MEDIA RELEASE

### ADVISORY ON COMPLIANCE WITH RULES DURING THE COVID-19 PANDEMIC

***Bandar Seri Begawan, Monday, 31<sup>st</sup> May 2021***

In reference to recent viral messages on social media platforms regarding a number of residents of Brunei Darussalam who reportedly crossed the borders of Brunei Darussalam via illegal crossings, the general public is advised and reminded to exercise their responsibilities in safeguarding the safety of the people of Brunei Darussalam by ensuring they avoid violating the regulations issued during the COVID-19 pandemic, including crossing the border illegally into neighbouring countries either by land or through waterways such as rivers.

In this regard, any information on such activities at the border should be informed to the relevant Government agencies immediately.

The authorities will not hesitate to take stern action against any individual or group who refuse to comply with any rules that have been issued and enforced.

To this end, the authorities of Brunei Darussalam would like to urge all parties to take responsibility in preventing the spread of COVID-19 in the country. All parties should be responsible and give full cooperation in complying the Standard Operating Procedures (SOPs) issued by the authorities.

#### ***PRIME MINISTER'S OFFICE***

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

18<sup>th</sup> Syawal 1442  
31<sup>st</sup> May 2021